

Semua terima manfaat: PM

Tepis tanggapan kerajaan PH tidak dapat tadbir negara dengan baik


Kuala Lumpur: Belanjawan 2020 yang menyaksikan hampir semua pihak menerima manfaat membuktikan kedudukan kewangan kerajaan kukuh, sekali gus menepis tanggapan bahawa Pakatan Harapan (PH) tidak dapat mentadbir negara dengan baik.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata walaupun kerajaan masih berdepan masalah membayar hutang disebabkan pentadbiran terdahulu, peruntukan tambahan diberikan kepada hampir semua pihak.

“Ramai berpendapat kerajaan PH tidak berpengalaman dan tak mungkin dapat mentadbir negara dengan baik. Bagaimanapun, seperti yang kita dengar (pembentangan Belanjawan 2020) tadi, peruntukan tambahan diberikan kepada hampir semua pihak.

“Ini menunjukkan kedudukan kewangan kita masih kukuh dan masih tiada pinjaman tidak berbayar,” katanya pada sidang media selepas pembentangan Belanjawan 2020 di Parlimen yang turut dihadiri Timbalannya, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Selepas mengambil alih pentadbiran negara pada Mei tahun lalu, kerajaan PH berjaya me-



Dr Mahathir pada sidang media selepas pembentangan Belanjawan 2020 di Parlimen, semalam.

(Foto Eizairi Shamsudin /BH)

ngetepikan kritikan demi kritikan apabila mampu merancang dan melaksana pelbagai inisiatif baharu dan penambahbaikan program bagi meningkatkan taraf sosioekonomi rakyat dan mencorak hala tuju negara.

Mengulas pengambilalihan konsesi tol, beliau berkata, perkara itu akan diperincikan kemudian, tetapi kerajaan sudah mengenalpasti kawasan terbabit yang membabitkan bandar dan luar bandar.

Mengenai diskaun tol 18 peratus secara purata di semua lebuh raya milik PLUS (Malaysia) Berhad, Perdana Menteri menjelaskan, kerajaan belum memutuskan sama ada ia akan dilaksanakan tahun depan, tetapi yang pasti ada penurunan sehingga

Ini menunjukkan kedudukan kewangan kita masih kukuh dan masih tiada pinjaman tidak berbayar.

Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri

kadar berkenaan.

“Kita pastikan kadar kutipan itu akan turun 18 peratus dan ia akan menjimatkan seperti dnyatakan (dalam Belanjawan),” katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir menegaskan beliau tidak bim-

bang penarafan kredit negara akan jatuh berikutan keputusan kerajaan menyediakan peruntukan yang banyak untuk Belanjawan 2020 walaupun turut mengeluarkan Bon Samurai kedua.

“Penarafan kredit kami sangat baik kerana banyak pihak akan menawarkan dana untuk kami meminjam. Sudah tentu kami perlu meminjam dengan pihak yang menawarkan pinjaman terbaik. Bon Samurai akan menarik kadar faedah sebanyak 0.5 peratus,” katanya.

Kerajaan dijangka mengeluarkan Bon Samurai baharu awal tahun depan dan saiz terbitan akan ditentukan selepas perbincangan lanjut dengan Japan Bank of International Cooperation (JBIC).